

# Utusan Sarawak

TARIKH	3 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	1-9	RUANGAN	Tempatan

## Kerajaan tanggung subsidi RM5,000 setiap jemaah haji

BACHOK, Ahad — Kerajaan pusat bersama Lembaga Tabung Haji menyumbang lebih RM100 juta setahun sebagai subsidi kepada setiap orang yang menunaikan fardu haji buat kali pertama.

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Awang Adek Hussin berkata subsidi itu bertujuan mengurangkan kos haji yang semakin meningkat.

“Ia termasuk sewa hotel, kos pengangkutan dan makan minum, tidak termasuk kos

perubatan dan kakitangan untuk menyelia jemaah haji,” katanya yang juga Ketua Umno bahagian Bachok kepada pemberita pada majlis ramah mesra dengan bakal haji dari jajahan Bachok di sini hari ini.

Seramai 180 bakal haji menyertai majlis itu yang turut dihadiri Timbalan Ketua Umno bahagian Datuk Dr Ilias Hussin.

Awang Adek berkata pemberian subsidi itu menjadikan kos saraan haji untuk jemaah

dari Malaysia antara yang terendah berbanding beberapa negara jiran.

Beliau berkata berkata mereka yang menunaikan haji lebih daripada sekali dikecualikan daripada mendapat subsidi.

“Mereka menanggung kos sebenar iaitu hampir RM15,000 berbanding tidak sampai RM10,000 seorang bagi mereka yang menunaikan haji untuk kali pertama,” katanya.

— BERNAMA